

Malaysia Mungkin Boleh Contohi Pusat Komuniti Singapura - Kurup Bernama
4 Mac, 2014
Oleh Tengku Noor Shamsiah Tengku Abdullah

SINGAPURA, 4 Mac (Bernama) -- Malaysia mungkin boleh mencontohi konsep pusat komuniti yang ada di Singapura bagi terus memperkukuh integrasi kaum, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Joseph Kurup, Selasa

"Kita akan buat kajian (berdasarkan beberapa pusat komuniti yang dilawati). Jika ini sesuatu yang boleh memperkukuh perpaduan nasional dan keharmonian kaum. Saya akan majukan cadangan kepada kerajaan," katanya dalam temu bual dengan BERNAMA, di Singapura.

Kurup dalam rangka lawatan tiga hari ke republik ini sejak Ahad lepas.

Beliau berkata berdasarkan pemerhatiannya, pusat komuniti itu dimanfaatkan oleh semua lapisan masyarakat baik rakyat tempatan mahupun warga asing untuk bergaul sesama mereka menerusi pelbagai aktiviti.

Antara yang dilawati oleh Kurup dan delegasi Malaysia yang disertai 30 pemimpin pelbagai agama ialah Pusat Komuniti Anchorvale, iaitu kompleks integrasi di Pejabat Kawasan Pilihan Raya Sengkang West.

Ketibaan Kurup disambut oleh Setiausaha Parlimen Kanan bagi Hubungan Luar, Kebudayaan, Masyarakat dan Belia, Sam Tan dan Anggota Parlimen GRC Ang Mo Kio, Dr Lam Pin Min.

Menurut menteri itu beliau juga melakukan kunjungan hormat ke atas pemangku Menteri Kebudayaan, Masyarakat dan Belia, Lawrence Wong.

"Pada Isnin saya bertemu Menteri Negara Kanan Hal Ehwal Dalam dan Luar Negeri Masagos Zulkifli dan beliau membawa saya melawat pusat perkhidmatannya," kata Kurup.

Beliau juga melawat beberapa lagi pusat komuniti antaranya Onepeople.sg.Centre yang mempunyai konsep seakan konsep 1Malaysia.

Menurut Kurup beliau membawa bersama pemimpin agama dalam lawatan itu bagi membolehkan mereka melihat sendiri bagaimana Singapura melaksanakan program perpaduan nasionalnya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1019322>